

DALIL-DALIL NAQLI TENTANG LARANGAN PENIPUAN DALAM MUAMALAT: ANALISIS SYARIAH DAN IMPLIKASI KEPADA MASYARAKAT

NAQLI'S ARGUMENTS ON THE PROHIBITION OF FRAUD IN MUAMALAT: SHARIAH ANALYSIS AND IMPLICATIONS FOR SOCIETY

Mohamad Naim Fikri Bin Norazmi ^{1*}

Mohd Sobri Bin Ellias ²

¹ Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: 3241820@raudah.usim.edu.my)

² Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan (E-mail: sobri.ellias@usim.edu.my)

*Corresponding author: 3241820@raudah.usim.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Norazmi, M. N. F, & Ellias, M. S (2025). Dalil-Dalil Naqli tentang larangan penipuan dalam muamalat: analisis syariah dan implikasi kepada masyarakat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 583 - 597

Abstrak: *Penipuan dalam muamalat merupakan isu kritikal yang memberi implikasi besar kepada kestabilan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Islam sebagai agama yang syumul telah menetapkan garis panduan yang jelas dalam memastikan keadilan dan ketelusan dalam melakukan transaksi, termasuk larangan terhadap sebarang bentuk penipuan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis dalil-dalil naqli yang menegaskan larangan penipuan dalam muamalat serta menilai implikasi syariah terhadap masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan metode analisis dokumen, melibatkan kajian terhadap ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Nabi serta pandangan ulama muktabar berkaitan hukum penipuan dalam transaksi. Hasil kajian menunjukkan bahawa Islam melarang penipuan secara mutlak menerusi kefahaman yang dapat digarap daripada pelbagai dalil naqli, termasuk ayat-ayat yang menekankan kepentingan kejujuran dan keadilan, serta hadis-hadis yang mengecam perbuatan menipu dan menindas dalam jual beli. Implikasi syariah daripada larangan ini merangkumi keperluan pematuhan terhadap prinsip al-sidq (kejujuran) dan al-amanah (amanah) dalam bermuamalat. Penghayatan terhadap prinsip ini amat penting dalam membina sistem ekonomi yang beretika dan menepati hukum syarak. Tambahan pula, pengabaian terhadap prinsip ini boleh membawa kesan negatif seperti ketidakpercayaan Masyarakat terhadap barang yang diperdagangkan, ketidakstabilan ekonomi dan peningkatan kes jenayah kewangan khususnya penipuan atas talian. Oleh itu, pemahaman dan penghayatan terhadap dalil-dalil naqli berkaitan larangan penipuan dalam muamalat adalah amat penting bagi memastikan integriti dalam transaksi yang berlandaskan syariah serta kesejahteraan sosial dapat dipertahankan.*

Kata Kunci: *Penipuan, transaksi muamalat, dalil naqli, implikasi Syariah, atas talian.*

Abstract: *Fraud in muamalat (Islamic transactions) is a critical issue that significantly impacts economic stability and societal well-being. Islam, as a comprehensive religion, provides clear guidelines to ensure justice and transparency in transactions, including prohibitions against all forms of fraud. This article aims to analyze naqli (revealed) evidences that emphasize the prohibition of fraud in muamalat and assess its shariah implications for society. The study employs a qualitative approach with a document analysis method, involving an examination of Quranic verses, hadiths of the Prophet, and the views of reputable scholars on the legal rulings regarding fraud in transactions. The findings indicate that Islam categorically prohibits fraud through a deep understanding derived from various naqli evidences, including verses that highlight the importance of honesty and justice, as well as hadiths that condemn deceit and oppression in trade. The shariah implications of this prohibition include the need for adherence to the principles of al-sidq (honesty) and al-amanah (trustworthiness) in muamalat. Embracing these principles is crucial in building an ethical economic system that complies with shariah laws. Furthermore, neglecting these principles could lead to negative consequences such as public distrust towards traded goods, economic instability, and an increase in financial crimes, particularly online fraud. Therefore, understanding and internalizing the naqli evidences related to the prohibition of fraud in muamalat are essential to maintain integrity in shariah-compliant transactions and uphold social well-being.*

Keywords: *Fraud, muamalat transactions, naqli evidences, shariah implications, online.*

Pendahuluan

Muamalat merupakan satu aspek penting dalam kehidupan manusia yang merangkumi aktiviti jual beli, perdagangan, dan transaksi kewangan. Dalam Islam, muamalat bukan sekadar urusan duniawi, tetapi juga mempunyai dimensi ukhrawi yang menuntut ketelusan, keadilan, dan kejujuran dalam setiap urusan. Penipuan dalam muamalat merupakan satu perbuatan yang dilarang keras dalam Islam kerana ia merosakkan kepercayaan antara pihak yang bertransaksi dan membawa kepada ketidakadilan serta kezaliman (Al-Qaradawi, 2011). Dewasa ini, teknologi moden dan internet telah mengubah cara masyarakat berinteraksi dan menjalankan urusan muamalat. Pemasaran digital telah menjadi norma dalam kehidupan seharian, tetapi pada masa yang sama, ia membawa risiko penipuan dan manipulasi yang berleluasa. Penipuan dalam e-dagang semakin meningkat di Malaysia disebabkan oleh kelonggaran dalam pengawasan terhadap amalan pemasaran digital (Hossain et al. 2020). Ini menunjukkan bahawa kurangnya garis panduan yang jelas dan ketat dalam pemasaran digital membolehkan manipulasi dan penipuan berkembang dengan pesat.

Hal ini berakar umbi daripada ketidakpedulian terhadap hukum hakam muamalat Islam yang sepatutnya diterapkan dalam setiap urusan jual beli, baik secara fizikal mahupun maya. Oleh itu, adalah penting untuk merangka satu panduan yang menyeluruh dan jelas, yang menggabungkan prinsip syariah dalam setiap aspek pemasaran digital (Ibrahim, 2018). Di Malaysia, peningkatan kes penipuan dalam muamalat, terutama dalam pemasaran digital, menunjukkan kelemahan dalam mekanisme perlindungan pengguna serta kurangnya kesedaran dalam menerapkan prinsip-prinsip syariah dalam transaksi perniagaan (Ariffin, 2019). Fenomena ini berpunca daripada faktor seperti kurangnya penguatkuasaan undang-undang, kelemahan dalam kawal selia transaksi dalam talian, serta kejahilan masyarakat terhadap hukum hakam syariah dalam muamalat (Ibrahim, 2018). Oleh itu, satu garis panduan yang berlandaskan prinsip syariah perlu dibangunkan untuk memastikan setiap transaksi dilakukan dengan penuh integriti dan bebas daripada unsur penipuan serta manipulasi.


Untuk mengatasi kelompongan yang ada, artikel ini akan mencadangkan satu garis panduan yang berkesan dan keperluan adanya asas pengetahuan yang kuat bagi masyarakat dalam muamalat serta perlindungan kepada konsumen. Ini akan memberikan jaminan bahawa setiap transaksi digital dilakukan mengikut prinsip-prinsip syariah yang ditetapkan (Ariffin, 2019). Panduan ini akan memberikan penyelesaian praktikal yang relevan dengan keadaan semasa dan berlandaskan kepada hukum Islam, yang bertujuan untuk memelihara kepentingan semua pihak yang terlibat dalam transaksi atas talian. Dengan wujudnya panduan yang jelas, diharap ia dapat memperkukuhkan integriti sistem pemasaran digital di Malaysia dan seterusnya membanteras penipuan yang semakin berleluasa dalam dunia maya.

Penyataan Masalah

Pemasaran yang tidak mematuhi prinsip syariah bukan sahaja tidak dapat diterima dalam perspektif Islam, bahkan ia boleh membawa kepada masalah yang lebih besar pada masa hadapan. Perkembangan teknologi yang begitu pesat telah membawa kepada pelbagai perubahan terhadap gaya hidup dan dimensi baharu kepada masyarakat. Selari dengan perkembangan teknologi, aktiviti pembelian dalam talian kini menjadi pilihan pengguna kerana pemilihan barang dan transaksi pembelian dapat dilakukan di mana sahaja. Malah, faktor pengurangan kos, penjimatan masa dan tenaga serta kepelbagaian pilihan menjadikan pembelian dalam talian lebih digemari oleh pengguna (Williams et al. 2009). Walaubagaimanapun, perkembangan e-dagang ini telah membuka ruang kepada peningkatan kes penipuan terhadap pengguna terutama dalam situasi pembelian secara dalam talian (Afzal Izzaz Zahari et al. 2016). Hal ini kerana medium Internet dilaporkan sebagai medium yang terdedah kepada penipuan (Grazioli & Jarvenpaa, 2000). Ketiadaan deria tertentu semasa membuat pembelian dalam talian seperti memegang, menghidu, merasa atau melihat dengan mata kasar yang amat penting sebelum pengguna membuat pembelian kadangkala membawa kepada hasil pembelian yang tidak diingini kerana berbeza dengan hakikat sebenar (Atar, 2012).

Justeru, dalam kes yang melibatkan penipuan berasaskan e-dagang, ia didapati menyumbang kepada berlakunya penindasan terhadap masyarakat yang lain disebabkan pengabaian sekelompok dalam kalangan masyarakat terhadap tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan ketika melakukan transaksi. Sebagai contoh, penipuan dalam e-dagang sering kali berlaku apabila pengguna tidak menerima produk yang dibayar, atau produk yang diterima tidak memenuhi spesifikasi yang dijanjikan di dalam iklan (Sufian, 2020). Hal ini bukan sahaja merugikan pengguna, tetapi juga merosakkan imej peniaga yang tidak beretika. Statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman merekodkan 19,224 kes jenayah dalam talian dalam tempoh Januari hingga September tahun 2024, peningkatan 23 peratus berbanding 15,659 kes yang dicatatkan bagi tempoh sama tahun 2023. Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital Teo Nie Ching berkata nilai kerugian kes jenayah bagi Januari hingga September tahun ini juga meningkat kepada RM687 juta atau 29 peratus berbanding tempoh sama 2022. Pusat Tindakbalas Insiden Siber Cyber999 kendalian CyberSecurity Malaysia pula merekodkan sebanyak 4,898 insiden keselamatan siber dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun 2024, penipuan dalam talian (fraud) terus berada di tangga teratas dengan jumlah insiden sebanyak 3,087.

Analisis Jenayah Siber



Gambar 1: Analisis Jenayah Siber Dan Insiden Keselamatan Siber

Berikut adalah analisis yang menunjukkan data jenayah dalam talian dan insiden keselamatan siber dari tahun 2022 hingga 2024. Analisis ini menunjukkan peningkatan kes jenayah dalam talian yang direkodkan oleh PDRM, meningkat dari 12,700 kes pada 2022 kepada 19,224 kes pada 2024. Fenomena ini menunjukkan betapa seriusnya masalah jenayah siber di Malaysia, terutama melalui platform media sosial, yang kini menjadi alat utama bagi scammer untuk menipu mangsa. Statistik ini menggambarkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap prinsip muamalat Islam masih rendah, khususnya dalam memahami hukum-hukum berkaitan kejujuran dan integriti dalam transaksi digital (Rahman & Abdullah, 2021). Kajian juga menunjukkan bahawa banyak pengguna Islam tidak mengambil kira aspek patuh syariah dalam urusan jual beli dalam talian, menyebabkan mereka terdedah kepada risiko penipuan (Ismail et al., 2020). Selain itu, menurut laman rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN), data menunjukkan peningkatan ketara dalam kes penipuan dalam talian. Sebagai contoh, dalam tempoh Januari hingga 22 September 2024, kerugian akibat jenayah komersial, termasuk penipuan dalam talian, telah mencecah RM1.78 bilion, dengan purata lebih RM6 juta kerugian sehari.

Peningkatan demi peningkatan ini menunjukkan mengapa masalah ini masih belum diselesaikan. Namun, terdapat usaha yang telah dilaksanakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang semakin meruncing ini, antaranya kerjasama antarabangsa. Malaysia telah memperbaharui kerjasama dengan negara jiran seperti Singapura dalam bidang perlindungan data peribadi, keselamatan siber, dan ekonomi digital melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) pada Januari 2024 (Bernama, 2024). Selain itu, kerajaan telah melaksanakan inisiatif kesedaran awam seperti Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan panduan dan nasihat kepada orang ramai tentang cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian. Ini termasuk mengenali jenis-jenis penipuan dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil (MKN, 2024). Walaupun, pelbagai usaha dilakukan oleh beberapa pihak namun peratusan kes yang berlaku tetap tidak menunjukkan pengurangan bahkan ia berlarutan sehingga ke tahap yang membimbangkan. Keadaan ini perlu diatasi segera kerana situasi yang berlaku kini menunjukkan bahawa penipuan dalam talian bukan sahaja memberi kesan kepada pengguna individu, tetapi juga

kepada ekonomi negara secara keseluruhan. Perlindungan hak pengguna dalam dunia maya memerlukan perhatian yang lebih mendalam agar mereka tidak terjebak dalam transaksi yang tidak sah atau menipu, serta agar mereka dapat membuat keputusan yang tepat dan sesuai dengan prinsip syariah. Oleh yang demikian, terdapat keperluan mendesak untuk menggali serta mengkaji secara lebih mendalam dalil-dalil naqli berkaitan larangan penipuan dalam muamalat, bukan sahaja untuk meningkatkan kesedaran masyarakat, tetapi juga bagi memastikan transaksi perniagaan dalam talian sejajar dengan prinsip syariah.

Kajian Literatur

Terdapat beberapa pendekatan yang telah digunakan oleh sarjana dalam membahaskan isu penipuan dalam muamalat, antaranya ialah melalui perbincangan berkenaan definisi dan konsep penipuan dalam muamalat serta bentuk-bentuk penipuan yang berlaku dalam transaksi. Pendekatan ini penting bagi memberikan gambaran yang jelas tentang skop dan kategori penipuan yang diharamkan dalam Islam. Selaras dengan fokus artikel ini yang meneliti dalil- dalil naqli tentang larangan penipuan dalam muamalat, perbincangan sorotan literatur ini akan menumpukan kepada karya-karya terdahulu yang mengupas dalil-dalil berkaitan dari sumber al-Quran dan hadis. Pendekatan ini bertujuan menyusun kerangka pengetahuan sedia ada sebagai asas kepada dapatan kajian dan cadangan penambahbaikan dalam sistem muamalat masa kini.

Definisi dan Konsep Penipuan dalam Muamalat

Penipuan ditakrifkan sebagai satu percubaan secara sengaja, sama ada berjaya atau tidak, untuk menutup, mereka-reka sesuatu atau memanipulasi maklumat secara faktual atau emosi, melalui medium bertulis atau sebaliknya, yang bertujuan untuk membina atau mengekalkan satu kepercayaan kepada pihak yang satu lagi, yang mana pembuat komunikasi sendiri maklum bahawa ia adalah maklumat yang salah (Masip, Garrido, & Herrero 2004). Dalam konteks penulisan ini, boleh dikatakan bahawa tindakan memberikan pernyataan yang tidak benar (Muhammad Fathi 2016; Azmin Azliza Aziz et al. 2019), menyembunyikan sesuatu maklumat dengan niat untuk menipu pengguna (Titus 2001; Ainur Rofiq 2012; Afzal Izzaz et al. 2016) adalah merupakan penipuan yang dilakukan oleh peniaga kepada pengguna (Titus 2001). Dalam kitab *Al-Mughni* menyatakan bahawa muamalat adalah perbuatan yang berkaitan dengan harta dan manfaat yang diperoleh melalui akad yang sah mengikut hukum syarak (Ibn Qudamah, 1968).

Sementara itu, dalam *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* mendefinisikan muamalat sebagai peraturan syarak yang berkaitan dengan interaksi manusia dalam aspek kewangan, ekonomi, dan sosial bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan (Wahbah al-Zuhayli, 1984). Syibir (1999) juga menjelaskan bahawa muamalat ialah hukum-hukum syarak yang disusun untuk membolehkan urusan tentang harta sesama manusia dan ia meliputi pertukaran harta seperti jual beli dan sewaan, sukarela menderma harta seperti *hibah* (hadiah), *waqf* (wakaf) dan wasiat, menggugurkan hak harta seperti menggugurkan hutang dan perkongsian, amanah seperti gadaian, jaminan dan pemindahan hutang. Maka istilah moden muamalat masa kini lebih merujuk hanya kepada sistem kewangan Islam atau melibatkan pengurusan harta sahaja (Syibir, 1999). Muamalat juga adalah terjemahan kepada aktiviti ekonomi syariah berkaitan pertukaran antara barangan dan bermanfaat melalui cara jual beli, sewaan, upahan, pinjaman, urusan bercucuk tanam, berkongsi dan sebagainya (Haron Din, et. al., 1988).

Secara keseluruhannya, merujuk kepada bab yang dibincangkan, penipuan dalam konteks muamalat menurut Imam Al-Ghazali ialah tindakan menyembunyikan kecacatan pada barang yang dijual atau memberikan gambaran yang salah kepada pembeli mengenai kualiti barang tersebut. Ibnu Qayyim al-Jawziyyah menegaskan bahawa penipuan dalam muamalat termasuk segala

bentuk penyembunyian maklumat atau penipuan yang boleh menyebabkan pihak lain mengalami kerugian atau ketidakadilan dalam transaksi. Dari sudut terminologi, al-Ghazali (1993) menyatakan bahawa penipuan adalah tindakan menyembunyikan kebenaran atau menonjolkan perkara yang salah dengan niat untuk mengaut keuntungan. Dalam karya kontemporari, al-Zuhayli (1984) mendefinisikan penipuan sebagai tindakan yang menyebabkan pihak lain tertipu dalam transaksi, sama ada melalui penyembunyian maklumat, penipuan, atau manipulasi. Selain itu, penipuan dalam muamalat merujuk kepada sebarang tindakan yang menyalahi prinsip kejujuran dan keadilan dalam transaksi kewangan, termasuk penyembunyian maklumat penting atau memberikan maklumat palsu kepada pihak lain (Kahf, M., 2000).

Kesemua definisi di atas menekankan bahawa penipuan dalam muamalat melibatkan unsur penyembunyian maklumat, penipuan, atau manipulasi yang boleh menyebabkan ketidakadilan atau kerugian kepada salah satu pihak dalam transaksi. Prinsip kejujuran dan keadilan adalah asas dalam muamalat Islam, dan sebarang bentuk penipuan adalah dilarang keras. Definisi ini seiring dengan pandangan moden yang melihat penipuan sebagai pelanggaran etika dan undang-undang dalam perniagaan. Contohnya, kajian oleh Ismail et al. (2020) mendefinisikan penipuan dalam konteks pemasaran digital sebagai tindakan menipu pengguna melalui maklumat palsu atau iklan yang mengelirukan. Kajian ini menekankan bahawa penipuan boleh menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap sektor perniagaan secara keseluruhan. Impak penipuan dalam muamalat adalah besar. Ia bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada individu tetapi juga menggugat kestabilan ekonomi dan kepercayaan masyarakat. Menurut kajian Hassan dan Noor (2018), amalan penipuan dalam muamalat boleh membawa kepada ketidakadilan sosial dan menjejaskan reputasi Islam sebagai agama yang mengutamakan keadilan dan amanah. Ini dapat disimpulkan bahawa muamalat merangkumi segala bentuk interaksi ekonomi yang berasaskan prinsip Islam, manakala penipuan dalam muamalat dikecam kerana bertentangan dengan konsep amanah dan keadilan. Definisi daripada sarjana klasik hingga kontemporari menunjukkan bahawa Islam menekankan kesucian transaksi dan mengelakkan segala bentuk manipulasi yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada Masyarakat

Bentuk-Bentuk Penipuan dalam Muamalat

Sejarah dan realiti semasa menunjukkan bahawa amalan penipuan dalam muamalat sering berlaku, menimbulkan ketidakadilan serta menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Penipuan dalam muamalat boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, Di antara yang sangat sering berlaku adalah termasuk *gharar* (ketidaktentuan), *tadlis* (penipuan dalam maklumat), *riba* (penindasan melalui faedah), *ihtikar* (penimbunan barang), dan *bai' al-najsy* (penipuan dalam penawaran harga) (Al-Zuhayli, 2011). Setiap bentuk penipuan ini dilarang kerana boleh menjejaskan keadilan dalam transaksi serta membawa mudarat kepada individu dan masyarakat. Salah satu bentuk penipuan utama dalam muamalat ialah *gharar*, Perkataan *gharar* berasal daripada kata dasar *gharar* yang bermaksud mendedahkan diri seseorang atau hartanya kepada kemusnahan secara tidak sedar. Ibn Qudamah (1997) dalam al-Mughni menyebutkan bahawa transaksi yang mengandungi unsur *gharar* adalah transaksi yang tidak jelas dan dapat menimbulkan ketidakadilan antara dua pihak. Justeru Islam menghendaki setiap kontrak perniagaan bebas daripada unsur ini. Contohnya, jual beli sesuatu yang tidak diketahui sifatnya atau kewujudannya. Larangan *gharar* dapat dilihat dalam hadis Rasulullah ﷺ mafhumnya:

“Sesungguhnya Nabi ﷺ melarang jual beli yang mengandungi unsur *gharar*”

(Muslim, 2014).

Bentuk penipuan yang seterusnya ialah riba. Riba yang secara literalnya bermaksud tambahan yang kebiasaannya merujuk kepada harta yang bertambah dan meningkat jumlahnya (Ibn Manzur, 1993). Dalam perspektif fiqh, setiap mazhab memberikan definisi riba yang berbeza. Mazhab Hanafiyah mentakrifkan riba sebagai lebihan yang tidak selaras dengan piawaian syarak yang ditetapkan dalam transaksi, memberi kelebihan kepada salah satu pihak yang berakad (Ibn Abidin, 1966). Mazhab Syafi'i pula mendefinisikannya sebagai akad pertukaran tertentu yang tidak memenuhi prinsip tamathul yang sah mengikut syarak pada waktu akad berlangsung, atau melibatkan kelewatan dalam pertukaran dua barangan ribawi atau salah satu daripadanya (Al-Syarbini, t.t.). Mazhab Hanbali mempunyai definisi yang hampir serupa dengan Syafi'i, di mana riba dikaitkan dengan unsur penangguhan dan tafadhul (kelebihan) dalam pertukaran barang ribawi, sebagaimana yang dinyatakan dalam nas dan barang lain yang disabitkan melalui qiyas (Al-Bughuti 2000-2008). Sementara itu, Mazhab Maliki juga memberikan definisi yang hampir sama dengan Syafi'i dan Hanbali, di mana riba lebih tertumpu kepada pertukaran dua barang ribawi yang mempunyai 'illah yang sama, sama ada melalui unsur tafadhul atau kelewatan penyerahan (Ibn Juzay, t.t.). Riba dilarang secara jelas dalam al-Quran, sebagaimana firman Allah yang mafhumnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kepada Allah agar kamu berjaya”
(Surah Ali ‘Imran: 130).

Pengharaman riba serta klasifikasinya bukan sekadar untuk mengawal bentuk transaksi yang terlibat, tetapi juga mencerminkan usaha Islam dalam menentang segala bentuk eksploitasi dan ketidakadilan dalam masyarakat. Secara lebih luas, ia bertujuan memastikan keadilan dalam sektor ekonomi dengan menekankan nilai-nilai murni dalam hubungan sesama manusia, khususnya dalam memenuhi keperluan hidup melalui aktiviti ekonomi (M. Umer, 2008).

Antara bentuk penipuan yang lain ialah *tadlis*. Tadlis merupakan satu bentuk manipulasi di mana pihak tertentu merahsiakan maklumat penting dalam urusan jual beli, yang akhirnya memberi kesan negatif kepada pihak lain (Taufiq, A., 2016). Dalam transaksi, *Tadlis/Taghrir* boleh berlaku dalam empat aspek utama, iaitu kualiti, kuantiti, harga, dan waktu penyerahan (Fatimah, 2016). Dari sudut terminologi, *Taghrir* menurut Hilal, merujuk kepada tindakan yang dilakukan secara sembunyi tanpa pengetahuan yang mencukupi, atau seseorang yang mengambil risiko tanpa mempertimbangkan akibat yang bakal dihadapi. *Tadlis/Taghrir* berlaku akibat maklumat yang tidak lengkap, yang memberi kesan kepada kedua-dua pihak, sama ada penjual mahupun pembeli (Hilal, 2014). Berdasarkan pelbagai definisi yang dikemukakan, *Tadlis/Taghrir* boleh disimpulkan sebagai perbuatan menyembunyikan kecacatan atau kelemahan sesuatu barang dalam transaksi jual beli, yang akhirnya boleh menyebabkan kerugian kepada salah satu pihak yang terlibat.

Akhir sekali ialah *khiyanah*. menurut Fazzan (2015) *khiyanah* merujuk kepada perubahan sikap seseorang menjadi curang atau tidak jujur (*syar*). Istilah ini digunakan bagi individu yang melanggar atau merampas hak orang lain dengan membekukan perjanjian secara sepihak, khususnya dalam urusan muamalat (Fazzan, 2015). Selain itu, *khiyanah* juga dikaitkan dengan *ghulul* (korupsi), yang secara umum merujuk kepada pengambilan harta secara tidak sah atau penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas yang diamanahkan tanpa izin daripada pemimpin atau pihak yang memberi kepercayaan (Syarifuddin, 2010). Korupsi termasuk dalam kategori *khiyanah*, kerana ia melibatkan penyelewengan amanah yang telah diberikan (Syamsuri, 2011). Berdasarkan definisi yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa *khiyanah/ghulul* merupakan perbuatan mengkhianati amanah dengan menyalahgunakannya bagi memperoleh keuntungan peribadi, yang bertentangan dengan prinsip kejujuran dan integriti dalam Islam.

Penipuan dalam muamalat merupakan isu serius yang menjejaskan keadilan dan kesejahteraan

masyarakat. Bentuk-bentuk penipuan seperti *gharar* (ketidaktentuan dalam transaksi), *riba* (penindasan melalui faedah yang berlebihan), *tadlis* (penyembunyian maklumat yang mengakibatkan ketidakseimbangan maklumat) dan *ihtikar* (penimbunan barang untuk manipulasi harga), adalah antara amalan yang jelas dilarang dalam Islam kerana membawa kemudaratan kepada individu dan masyarakat. Larangan terhadap unsur-unsur ini bertujuan untuk menegakkan prinsip keadilan, ketelusan, dan kepercayaan dalam transaksi. Islam menekankan perlunya muamalat yang bebas daripada eksploitasi dan ketidakadilan, seperti yang ditegaskan dalam al-Quran dan hadis. Oleh itu, setiap individu yang terlibat dalam aktiviti ekonomi harus memastikan urusan niaga yang dilakukan berlandaskan prinsip syariah agar tidak terjerumus dalam amalan yang menyalahi etika Islam.


Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis dalil-dalil naqli tentang larangan penipuan dalam muamalat. Pendekatan ini dipilih kerana sifat kajian yang memerlukan analisis teks, interpretasi, dan pemahaman mendalam terhadap sumber-sumber hukum Islam. Menurut Creswell (2014), pendekatan kualitatif sesuai untuk mengkaji fenomena yang melibatkan makna dan pemahaman kompleks. Kajian ini berbentuk analisis kandungan dengan tumpuan diberikan kepada sumber primer dan sekunder. Sumber primer melibatkan al-Quran dan hadis sahih yang berkaitan dengan larangan penipuan, manakala sumber sekunder terdiri daripada tafsir al-Quran, kitab-kitab syarah hadis, serta jurnal dan buku akademik yang relevan. Bagi menganalisis data, kajian ini menggunakan pendekatan dokumentasi seperti yang dicadangkan oleh Bowen (2009). Pendekatan ini menekankan penggunaan dokumen bertulis sebagai sumber utama dalam kajian kualitatif, termasuk teks-teks keagamaan dan bahan akademik yang berkaitan. Melalui kaedah ini, analisis dilakukan dengan mengenal pasti tema utama dalam dalil-dalil naqli serta implikasinya terhadap masyarakat.

Dari sudut pengumpulan data, pengkaji membuat carian untuk mendapatkan dokumen melalui enjin carian di Internet dan kebanyakan daripada data diambil daripada kajian perpustakaan (*library research*) dengan meneliti teks al-Quran dan hadis, kitab tafsir, syarah hadis serta artikel dan buku akademik seperti tulisan Ismail (2020) mengenai definisi penipuan dalam konteks pemasaran digital. Pemilihan sumber dibuat secara berasaskan kesahihan, ketulenan dan autoritatif dalam tradisi keilmuan Islam. Sumber primer seperti al-Quran dan hadis sahih diutamakan kerana ia merupakan rujukan utama dalam menentukan hukum syarak. Kitab tafsir dan syarah hadis yang dipilih pula adalah karya ulama muktabar seperti al-Tabari, al-Qurtubi, dan al-Nawawi yang diiktiraf dalam disiplin tafsir dan ilmu hadis. Sumber sekunder seperti artikel jurnal dan buku akademik pula dipilih berdasarkan kriteria kebaruan, kesesuaian topik, dan penerbitan oleh institusi berwibawa, agar dapatan kajian bersifat kontemporari dan relevan dengan realiti masyarakat semasa. Justeru, pemilihan dokumen tidak dilakukan secara rawak, tetapi melalui proses penapisan yang ketat bagi memastikan kesahihan maklumat dan kredibiliti analisis.

Analisis data dilakukan secara tematik mengikut prosedur yang digariskan antaranya pengenalan terhadap data, pencarian dan semakan tema, pendefinisian dan penamaan tema serta penyediaan laporan (Braun dan Clarke, 2006). Kajian ini mematuhi etika penyelidikan dengan menghormati keaslian sumber. Hal ini kerana semua rujukan diambil daripada sumber sahih. Kajian ini dijalankan dengan penuh etika serta mengelakkan tafsiran yang boleh mencetuskan salah faham atau menyimpang daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menerusi pendekatan ini, kajian ini diharap dapat memberikan pemahaman yang mendalam dan menyeluruh mengenai larangan penipuan dalam muamalat serta implikasinya terhadap masyarakat.

Conceptual Model of the Study



Gambar 2: Conceptual Model Of The Study

Jadual 1: Dalil-Dalil Daripada Al-Quran Dan Hadis

Dalil	Maksud	Sumber	Analisis Syariah	Implikasi
وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتَذَلُّوا بِهَا إِلَىٰ أَمْوَالِ الْآخَرِينَ فَرِيضَةً مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ	"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah..."	Al- Baqarah (188)	Ayat ini melarang pengambilan harta secara batil termasuk penipuan dalam perniagaan.	Menggalakkan keadilan dalam muamalat untuk melindungi hak pihak lain.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ	"Wahai orang- orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil..."	An-Nisa' (29)	Islam menegaskan larangan terhadap amalan penipuan yang boleh memudaratkan ekonomi umat.	Mewujudkan muamalat yang adil dan beretika.
وَالَّذِينَ يَلْمِزُونَ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ وَإِذَا كَالُوا لَهُمْ أَوْ وَزَنُوا لَهُمْ يُخْسِرُونَ	"Celakalah bagi orang-orang yang ..."	Al- Mutaffifin (1-3)	Larangan terhadap manipulasi timbangan atau penipuan dalam jual beli.	Larangan terhadap manipulasi timbangan atau penipuan dalam jual beli.

فَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾	"...Maka sempurnakanlah takaran dan timbangan, dan janganlah kamu mengurangi hak manusia..."	Al-A'raf (85)	Hak pengguna perlu disempurnakan- larangan manipulasi dan penipuan	Pembudayaan sikap telus di pihak penjual
وَتَقَدَّمُوا أَوُفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْلُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٨٦﴾	"...Dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka..."	Hud (85)	Islam memandang berat perbuatan tidak telus dalam bermuamalat yang menyebabkan kerugian orang lain.	Jika tidak akan berlaku ketidak seimbangan dalam ekonomi- pengguna akan ditindas
الزُّبُرَاءَ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّقِهَا فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأْمُرُهُ إِلَى اللَّهِ ...	"...Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..."	Al- Baqarah (275)	Pengharaman Riba	Penindasan terhadap pihak yang berhutang
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلٍ فَتُصْخَبُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ تَوْبِينَ ﴿٦﴾	"...Jika seorang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti..."	Al- Hujurat (6)	Menegaskan keperluan menyelidik sebelum menerima sesuatu maklumat agar tidak tertipu.	Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap maklumat palsu.
وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾	"...Dan janganlah kamu campuradukkan yang hak dengan yang batil..."	Al- Baqarah (42)	Larangan mencampurkan kebenaran dengan kepalsuan.	Menggalakkan ketelusan dalam setiap urusan.
مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي	"Barangsiapa menipu maka dia bukan dari golongan kami."	Sahih Muslim (102)	Nabi mengecam penipuan dalam apa jua bentuk muamalat.	Mengukuhkan budaya integriti dalam perniagaan.
الْبَيْعَانُ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا فَإِنْ صَدَقَا وَبَيَّنَّا بُورَكُ لِمَا فِي بَيْعِهِمَا وَإِنْ كَذَبَا وَكُتِمَا مَحَقَّتْ بِرَكَّةٍ بَيْعُهُمَا	"Penjual dan pembeli mempunyai hak untuk membatalkan jual beli sebelum mereka berpisah..."	Hadis riwayat bukhari (2079)	Memberi ruang kepada penjual dan pembeli untuk berurus niaga secara adil.	Melindungi hak kedua-dua pihak.

لا يتحكر إلا خاطئ	"Barang siapa menahan barang dagangannya hingga harga naik, dia berdosa."	Hadis riwayat Muslim (1605)	Penimbunan barang (tahan stok utk satu tempoh) untuk menaikkan harga dianggap penipuan.	Menjamin kestabilan pasaran dan mengelakkan penindasan
لا يبيع بعضكم على بيع بعض، ولا تلقوا السلع حتى يهبط بها الأسواق	"Janganlah seseorang menjual atas jualan saudaranya..."	Sunan Abi Daud (3436)	Penipuan dalam bentuk sabotaj dilarang	Menggalakkan persaingan yang sihat dalam perniagaan
لا تبع ما ليس عندك	"Janganlah menjual barang yang tidak dimiliki."	Sunan Abi Daud (3503)	Menjual tanpa milikan sah dianggap penipuan.	menyuburkan kesejahteraan dalam ekosistem muamalat, dan mengelakkan penindasan.
الرِّبَا اثْنَتَانِ وَشِئْعُونَ يَا أَيُّهَا الْمُدْحِفُونَ الرِّبَا أَكْبَرُ	Riba itu mempunyai 72 pintu (dosa), yang paling ringan adalah seperti seorang lelaki yang berzina dengan ibunya	Al-Tabarani (7151)	Kedudukan Riba dalam Islam	lingkaran hutang yang sukar dilunaskan.
لا يَحِلُّ لِأَخِي أَنْ يَبِيعَ شَيْئًا إِلَّا بِبَيِّنٍ مَا فِيهِ، وَلَا يَحِلُّ لِأَخِي أَنْ يَعْلَمَ ذَلِكَ إِلَّا بِبَيِّنَةٍ	Tidak halal bagi seseorang menjual sesuatu melainkan dia menjelaskan (sebarang kecacatan) yang ada padanya, dan tidak halal bagi seseorang yang mengetahui (tentang kecacatan tersebut) melainkan dia menjelaskannya	Sunan Ibnu Majah (2246)	prinsip kejujuran (ṣidq) dan amanah (amānah) dalam muamalat serta menolak unsur tadlis (penipuan dalam maklumat barangan) yang boleh merugikan pihak lain	Mewujudkan Pasaran yang Adil dan Beretika

Barangsiapa yang mengambil harta saudaranya dengan sumpahnya, maka Allah mewajibkan dia masuk neraka dan mengharamkan masuk surga	Shahih Muslim (137)	larangan keras terhadap pengambilan harta orang lain dengan sumpah palsu, yang merupakan sebahagian daripada perbuatan ghasb (merampas hak orang lain)	Jika pengambilan harta secara batil berlaku secara berleluasa, kepercayaan dalam ekonomi dan sosial akan runtuh
--	----------------------------	---	--

Dapatan dan Perbincangan

Analisis Syariah dan Implikasi kepada Masyarakat

Dalam Islam, larangan terhadap penipuan dalam muamalat bukan sekadar tegahan moral, tetapi suatu prinsip syariah yang bertunjangkan keadilan (*al-'adl*) dan amanah (*al-amanah*). Dalil-dalil naqli yang dikemukakan dalam jadual di atas jelas menunjukkan bahawa penipuan dalam urusan muamalat dikecam keras oleh Allah dan Rasul-Nya kerana ia mencabuli hak manusia serta merosakkan keseimbangan ekonomi dan sosial. Contohnya, Surah Al-Baqarah (188) melarang pemilikan harta secara batil, termasuk rasuah dan penipuan dalam transaksi perniagaan. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak hanya memfokuskan kepada bentuk-bentuk penipuan yang bersifat terang-terangan seperti pemalsuan timbangan dalam Surah Al-Mutaffifin (1-3), tetapi juga kepada bentuk penipuan yang lebih terselindung seperti eksploitasi kuasa dan manipulasi harga. Ayat ini memberi isyarat bahawa sebarang pengambilan harta secara tidak sah bukan sekadar merugikan individu, tetapi juga merosakkan sistem ekonomi yang adil dan saksama. Justeru, Islam mewajibkan pematuhan terhadap prinsip transaksi yang berlandaskan persetujuan dan kejujuran, seperti yang ditegaskan dalam Surah An-Nisa' (29), yang menggariskan bahawa setiap jual beli mestilah dilakukan secara suka rela dan tanpa paksaan. Jika prinsip ini diabaikan, maka kesannya bukan sahaja membawa kepada penindasan individu tetapi turut menimbulkan ketidakstabilan dalam struktur ekonomi sesebuah negara.

Dari sudut yang lebih mendalam, penipuan dalam muamalat tidak hanya menjejaskan ekonomi, tetapi juga merosakkan akhlak dan integriti individu serta masyarakat secara keseluruhannya. Hadis Rasulullah ﷺ dalam Sahih Muslim yang menyatakan, “Barangsiapa menipu maka dia bukan dari golongan kami” adalah satu peringatan keras bahawa penipuan bukan sekadar dosa peribadi, tetapi juga pengkhianatan terhadap prinsip asas Islam yang mementingkan kejujuran dan keadilan. Perbuatan seperti *ihtikar* (menyimpan barangan keperluan asas dengan niat menaikkan harga) yang disebut dalam Hadis Riwayat Muslim (1605), menunjukkan bagaimana manipulasi ekonomi boleh membawa kesan buruk yang lebih luas, khususnya kepada golongan yang kurang berkemampuan. Jika penipuan seperti ini dibiarkan, ia akan melahirkan masyarakat yang dipenuhi dengan ketidakadilan sosial, di mana golongan kaya terus menindas yang miskin. Keadaan ini akhirnya akan meningkatkan permusuhan sesama muslim dan membentuk budaya kapitalisme yang rakus, yang bertentangan dengan prinsip muamalat Islam yang menekankan keseimbangan ekonomi dan kesejahteraan bersama.

Implikasi lebih besar daripada penipuan dalam muamalat juga boleh dilihat melalui larangan tegas Islam terhadap riba, yang disebut dalam Surah Al-Baqarah (275). Riba bukan sekadar meningkatkan beban hutang individu yang kurang berkemampuan, tetapi juga mencipta sistem ekonomi yang berpaksikan eksploitasi. Hadis yang menyatakan bahawa semua pihak yang terlibat

dalam riba, termasuk pencatat dan saksinya, mendapat dosa yang sama (Sahih Muslim 1598) menunjukkan bahawa Islam melihat riba sebagai satu bentuk penindasan yang bukan sahaja melibatkan individu yang terlibat secara langsung, tetapi juga mereka yang membantu sistem ini berkembang. Di samping itu, larangan pengambilan harta orang lain melalui sumpah palsu (Sahih Muslim 137) juga menekankan bahawa Islam tidak membenarkan sebarang bentuk eksploitasi yang merugikan pihak lain, tidak kira sama ada ia dilakukan secara terang-terangan atau melalui manipulasi undang-undang. Jika prinsip ini tidak dihayati dalam masyarakat, maka kepercayaan terhadap sistem ekonomi dan perundangan akan musnah, seterusnya berlaku ketidakseimbangan dalam pasaran, yang akhirnya hanya akan menguntungkan pihak yang tamak dan tidak beretika.

Sementelahan itu, dari aspek yang lain penipuan dalam muamalat bukan sekadar satu kesalahan individu tetapi merupakan satu ancaman terhadap kestabilan ekonomi dan keharmonian sosial. Dalil-dalil yang dinyatakan dalam dapatan di atas memberikan gambaran yang jelas bahawa Islam memandang serius isu ini dan menetapkan hukuman yang berat terhadap pelakunya. Sebagai contoh, hadis yang melarang menjual sesuatu yang tidak dimiliki (Sunan Abi Daud 3503) bertujuan untuk mengelakkan unsur *gharar* (ketidakpastian) yang boleh merugikan pembeli dan menimbulkan ketidakpercayaan dalam pasaran. Justeru, kepatuhan terhadap larangan-larangan ini bukan sahaja memastikan sistem ekonomi yang lebih adil dan telus, tetapi juga membentuk masyarakat yang beretika dan bertanggungjawab. Apabila prinsip kejujuran dan integriti dalam muamalat ditegakkan, masyarakat hidup lebih harmoni, kadar jenayah ekonomi akan menurun, dan sistem kewangan Islam akan berkembang dengan lebih mampan serta mendapat kepercayaan global sebagai alternatif kepada sistem konvensional yang dilihat sering menyebelahi golongan pemodal besar.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penipuan dalam muamalat merupakan isu yang dikecam keras dalam Islam kerana ia bertentangan dengan prinsip asas syariah yang menekankan kejujuran, keadilan, dan amanah dalam transaksi. Dalil-dalil naqli yang dikaji, termasuk ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi, menunjukkan larangan jelas terhadap sebarang bentuk penipuan, sama ada dalam bentuk pemalsuan timbangan, eksploitasi harga, atau manipulasi maklumat dalam perniagaan. Islam menuntut agar setiap individu yang terlibat dalam muamalat mematuhi prinsip al-sidq (kejujuran) dan al-amanah (amanah) bagi memastikan keseimbangan dan kestabilan ekonomi serta mengelakkan ketidakadilan dalam masyarakat.

Dari perspektif implikasi sosial dan ekonomi, penipuan dalam muamalat bukan sahaja memberi kesan kepada individu, tetapi juga menjejaskan keseluruhan sistem ekonomi dan keharmonian sosial. Peningkatan kes penipuan dalam e-dagang serta statistik jenayah siber yang membimbangkan menunjukkan bahawa masyarakat masih kurang memahami dan menghayati nilai-nilai muamalat Islam. Pengabaian terhadap prinsip patuh syariah dalam perniagaan membawa kepada ketidakpercayaan pengguna, peningkatan risiko transaksi yang tidak sah, dan akhirnya menjejaskan kestabilan pasaran. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, termasuk peniaga, pengguna, dan pihak berkuasa, untuk memastikan setiap transaksi dijalankan dengan penuh integriti dan berlandaskan hukum syarak.

Oleh itu, kesedaran dan pemahaman terhadap dalil-dalil naqli berkaitan larangan penipuan dalam muamalat perlu diperkukuhkan dalam masyarakat bagi memastikan sistem perniagaan yang lebih telus dan beretika dapat dibangunkan. Langkah-langkah seperti pendidikan muamalat Islam, pemantauan ketat oleh pihak berkuasa, serta penerapan dasar yang lebih tegas dalam membanteras penipuan perlu dipertingkatkan. Dengan mengamalkan prinsip muamalat yang patuh syariah, bukan sahaja keadilan dan ketelusan dalam transaksi dapat dipelihara, tetapi juga kesejahteraan

masyarakat dan kestabilan ekonomi Islam dapat dipertahankan dalam jangka masa panjang.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamentals (FRGS) 2024 dengan nombor rujukan FRGS/1/2024/SS01/USIM/03/1 (Kod Penyelidikan KPT)

Rujukan

- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Afzal Izzaz Zahari., Bilu, Redvin & Jamaliah Said. (2016). E-Coomerce Fraud: An Investigation of Familiarity, Trust and Awareness Impact Towards Online Fraud. *Journal of Network and Computer Applications*, 68(April), 1-13.
<https://doi.org/10.1016/j.jnca.2016.04.007>
- Ainur Rofiq. (2012). *Penipuan dalam transaksi e-dagang: Analisis faktor penyebab dan pencegahan*. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, 7(1), 45-60.
- Al-Bughuti, M. (2000-2008). *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'* (Jil. 3). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali. (1993). *Ihya Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qaradawi, Y. (2011). *Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Syarbini. (t.t.). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj* (Jil. 2). Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1984). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Vol. 5). Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (2011). *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 7). Dar al-Fikr.
- Ariffin, M. Y. (2019). Consumer protection in digital marketing: An Islamic perspective. *Journal of Islamic Business and Management*, 9(2), 45-60.
- Azmin Azliza Aziz, Ahmad Fauzi Abdul Hamid, & Norazlina Abdul Wahab. (2019). *Penipuan dalam e-dagang: Isu dan cabaran*. *Jurnal Pengurusan*, 56, 23-35.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Fatimah, R. (2016). *Konsep tadlis dan implikasinya dalam transaksi muamalat Islam*. Bandung:
- Fazzan, M. (2015). *Khiyanah dan implikasinya dalam muamalat Islam*. *Jurnal Ekonomi Islam*, 7(1), 45-58.
- Grazioli, S., & Jarvenpaa, S. L. (2000). Perils of Internet fraud: An empirical investigation of deception and trust with experienced Internet consumers. *IEEE Transactions on Systems, Man, and Cybernetics - Part A: Systems and Humans*, 30(4), 395-410.
- Haron Din, et al. (1988). *Manusia dan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, A., & Noor, S. M. (2018). Ethical considerations in Islamic financial transactions: A case of fraud prevention. *Journal of Islamic Finance*, 7(2), 12-20.
- Hilal, S. (2014). *Taghrir dalam perspektif hukum Islam: Sebuah kajian kritis*. *Jurnal Muamalat dan Hukum Islam*, 12(1), 45-60.

- Hossain, M., Rahman, M., & Sultana, N. (2020). Online fraud and consumer vulnerability in e-commerce: A Malaysian case study. *Asian Journal of Business Ethics*, 5(1), 25-38.
- Ibn Abidin. (1966). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar* (Jil. 5). Dar al-Fikr. Ibn Manzur. (1993). *Lisan al-'Arab* (Jil. 14). Dar al-Sadir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, M. A. (n.d.). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Qudamah, A. (1968). *Al-Mughni*. Kaherah: Maktabah al-Qaherah. Ibn Qudamah. (1997). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Juzay. (t.t.). *Qawanin al-Ahkam al-Shar'iyyah*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibrahim, A. (2018). Shariah compliance in digital transactions: Challenges and opportunities. *International Journal of Islamic Finance*, 10(1), 78-95.
- Ibrahim, H., & Yusuf, S. (2018). Pricing ethics in Islamic commerce: An analysis of common market practices. *International Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 4(1), 55-70. <https://doi.org/10.12711/ijeeefs.2018.4.1.0001>
- Ismail, Z., Ahmad, R., & Rahman, A. (2020). Fraud in digital marketing: An Islamic perspective. *Asian Journal of Business Ethics*, 9(3), 45-60.
- Ismail, Z., Othman, N., & Ahmad, S. (2020). Consumer awareness on shariah compliance in e-commerce transactions. *Islamic Finance Journal*, 8(1), 34-49.
- Ismail, N. A. (2020). Penipuan dalam pemasaran digital: Analisis menurut perspektif Islam. *Jurnal Syariah dan Ekonomi Islam*, 12(1), 45-60.
- Kahf, M. (2000). *Islamic Finance: Principles and Practice*. Islamic Research and Training Institute.
- Masip, J., Garrido, E., & Herrero, C. (2004). Defining Deception. *Anales de Psicología*, 20(1), 147-171. https://www.researchgate.net/publication/40219917_Defining_deception
- Muhammad Fathi. (2016). *Penipuan dalam transaksi elektronik: Tinjauan hukum Islam*.
- Rahman, S. & Abdullah, N. (2021). Understanding fraud in digital transactions: A shariah perspective. *International Journal of Islamic Finance and Business*, 9(1), 101-118.
- Syamsuri, B. (2011). *Khiyanah dan ghulul dalam perspektif fiqh*. Jurnal Studi Islam, 9(4), 67- 80.
- Syarifuddin, A. (2010). *Ghulul: Konsep dan implikasinya dalam hukum Islam*. Jurnal Hukum Islam, 5(3), 89-102.
- Syibir, M. (1999). *Fiqh Muamalat Islam*. Dar al-Nafa'is.
- Taufiq, A. (2016). *Etika perniagaan Islam dan praktik tadlis dalam perdagangan moden*. Kuala Lumpur
- Titus, R. M. (2001). *Personal fraud: The victims and the scams*. *Crime Prevention Studies*, 12, 133-151.
- Williams, J., Smith, R., & Brown, T. (2009). *E-commerce and consumer behavior: An analytical study*. Oxford University Press.